

Home » Satu lori minyak hitam dibuang dalam Sungai Buluh



Keadaan Sungai Buluh yang tercemar selepas disyaki berpunca daripada pembuangan sisa industri dari sebuah kilang di kawasan perindustrian Pasir Gudang, Johor hari ini.

# Satu lori minyak hitam dibuang dalam Sungai Buluh

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM 3 Jun 2021, 8:16 pm

JOHOR BAHRU – Sebuah premis tanpa lesen perniagaan di kawasan perindustrian Pasir Gudang di sini diserbu sepasukan penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cawangan Pasir Gudang, hari ini.

JAS negeri Johor berkata, serbuan dilakukan susulan aduan orang awam yang memaklumkan kilang terbabit disyaki membuang sisa industri ke dalam Sungai Buluh.

“JAS telah menjalankan siasatan di sepanjang Sungai Buluh dan mendapati punca sisa minyak hitam dari sebuah premis tanpa lesen perniagaan yang menjalankan aktiviti jual beli produk sawit.

“Hasil siasatan mendapati pelepasan minyak dilepaskan dari satu tangki sebuah lori tangki dalam kawasan premis.

“Sebanyak empat persampelan sisa buangan telah diambil untuk dianalisa Jabatan Kimia Malaysia bagi tindakan penguatkuasaan selanjutnya,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Kenyataan itu berkata, pihak premis berkenaan diarahkan untuk serta-merta menjalankan pembersihan tumpahan minyak tersebut.

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

Katanya, kertas siasatan juga akan dibuka untuk membawa pesalah ke muka pengadilan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 25 Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS)1974.

"JAS akan sentiasa memantau aktiviti premis dan semua pemain industri diingatkan untuk sentiasa mematuhi AKAS 1974 dan tidak melakukan sebarang pencemaran.

"Sebarang aduan pencemaran alam sekitar orang ramai boleh menghubungi talian bebas tol JAS 1800882727 atau membuat aduan secara atas talian di eaduan.doe.gov.my," ujarnya.-K! ONLINE


## BERITA SELANJUTNYA

by



**Jadi 'Ebit Lew' pada diri sendiri, orang lain**



**Rampasan tunggul kayu ikut undang-undang**



**3 lelaki ditahan disyaki terlibat aktiviti perjudian**

AD



**Inilah Cara Menjana Wang dengan Bitcoin**



**Suhaimi Saad 'letak jawatan' sebagai…**



**Sumbat dadah dalam alat pemadam api**



**Warga asing leka berjudi dicekup**



**Lelaki kebal minum Baygon meninggal…**



**Suami terkejut isteri kahwin lagi**






Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.



POPULAR




### Dapur restoran nasi kandar popular terbakar

4 Jun 2021, 1:46 pm



### Nelayan jatuh laut ditemui lemas

4 Jun 2021, 1:40 pm




### PBKD lulus pendaftaran bersyarat AstraZeneca keluaran Siam Bioscience

4 Jun 2021, 1:37 pm




### Empat mangsa lemas Pantai Gorongon negatif Covid-19

4 Jun 2021, 1:33 pm

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.





BERITA BERKAITAN




**Dapur restoran nasi kandar popular terbakar**

4 Jun 2021, 1:46 pm



**Nelayan jatuh laut ditemui lemas**

4 Jun 2021, 1:40 pm




Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

ETUJU



**Empat mangsa lemas Pantai Gorongon negatif Covid-19**

4 Jun 2021, 1:33 pm




**Remaja hilang ditemui, teman lelaki ditahan**

4 Jun 2021, 1:25 pm




SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.